

MODUL PP

Praktis ke Arah SPM

KERTAS 1

1.1 Konsep Kedaulatan

1 Apakah takrif kedaulatan dalam bahasa Yunani?

Buku Teks m/s 4

- A Agung atau tertinggi
- B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
- C Negara mempunyai kuasa penuh terhadap pemerintahan
- D Kekuasaan tertinggi terhadap pemerintahan negara

2 Apakah tafsiran tamadun bagi tokoh berikut?

Buku Teks m/s 5



Ibn Khaldun

- A Asas negara yang merdeka
- B Kuasa tertinggi dalam sesebuah negara
- C Kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan
- D Kekuatan dan kekuasaan sesebuah negara berasaskan semangat kekitaan bangsanya

3 Maklumat berikut berkaitan dengan kedaulatan undang-undang.

Buku Teks m/s 7

Badan kehakiman

Apakah peranan badan tersebut?

- A Melindungi pemerintah
- B Melaksanakan pentadbiran
- C Mengukuhkan sistem pemerintahan
- D Melaksanakan kedaulatan undang-undang

4 Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Buku Teks m/s 7

Deklarasi Hubungan Persahabatan PBB 1970

Apakah kesan kepada negara kita setelah menganggotai PBB?

- A Menstabilkan politik
- B Menjamin keadilan negara
- C Perkembangan ekonomi negara
- D Pengiktirafan sebagai negara bebas dan berdaulat

1.2 Ciri Negara yang Berdaulat

5 Setiap negara yang bebas dan merdeka mempunyai ciri tertentu bagi menentukan kedaulatannya.

Buku Teks m/s 8

Antara berikut, yang manakah merupakan ciri negara yang berdaulat?

- I Mempunyai perundangan
 - II Mempunyai pemerintahan
 - III Mempunyai ekonomi yang stabil
 - IV Mempunyai sistem politik yang kukuh
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

6 Rajah 1 berkaitan dengan Institusi Beraja yang disebut dalam Perlembagaan Persekutuan.

Buku Teks m/s 8




Rajah 1

Apakah X?

- A Parlimen
- B Pelaksana
- C Kehakiman
- D Majlis Raja-Raja

7 Rajah 2 berkaitan dengan penyatuan rakyat.

Buku Teks m/s 9



Rajah 2

Apakah X?

- I Bahasa kebangsaan
 - II Rukun Negara
 - III Lagu negeri
 - IV Bendera negeri
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV